

Headline	TNB keluar kenyataan pada masa sesuai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	30
ArticleSize	126 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,030		



## PERUBAHAN KEPEMIMPINAN

# TNB keluar kenyataan pada masa sesuai

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) akan membuat kenyataan secara rasmi pada masa yang sesuai berkenaan perubahan kepemimpinannya atau perkara yang boleh memberi kesan terhadap syarikat.

Firma utiliti itu merujuk kepada laporan yang diterbitkan BH dan New Straits Times (NST) semalam bahawa Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Seri Azman Mohd (**gambar**) diminta untuk melepaskan jawatan-



nya. Laporan memetik sumber itu berkata, Azman sudah diberi notis supaya meletakkan jawatannya pada Jumaat lalu.

Perkembangan itu adalah sesuatu yang mengejutkan kerana kontrak Azman dilanjutkan selama dua tahun pada 1 Julai tahun lalu.

### Berkhidmat selama 36 tahun

Lanjutan kontrak berkenaan adalah yang kedua selepas Azman dilantik sebagai Presiden dan CEO Kumpulan pada 1 Julai 2012 selepas berkhidmat selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan dengan TNB.

Sumber berkata, Pengurus UEM Edgenta Bhd, Amir Hamzah Azizan dipercuryai bakal menggantikan Azman di TNB.

Pengumuman mengenai perubahan pengurusan tertinggi kumpulan utiliti itu dijangka diadakan pada minggu ini, kata sumber itu lagi.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Strategi dan Kawal Selia TNB, Datuk Fazlur Rahman Zainuddin dikatakan akan menjawat jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan seterusnya sebagai sebahagian daripada pusingan jawatan.